

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

“Pelajar sering membuat kesalahan dalam proses mempelajari sesuatu bahasa sama ada bahasa utama mahupun bahasa kedua” Jamaliah Mohd. Ali (1990). Sebagaimana pula kata Corder, S.P. (1973).

“All learners make mistakes. This is not confined to language learners. We will make mistakes when we are speaking our mother tongue.”

Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan dilakukan untuk menganalisa kesalahan secara terperinci, mengenal pasti jenis-jenis kesalahan dan mencari punca-punca kesilapan tersebut.

Dapatan daripada analisa yang dilakukan akan digunakan untuk meningkatkan mutu dan keberkesan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

2.2 Konsep Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan

2.2.1 Analisis Kontrastif

Analisis Kontrastif diperkembangkan oleh Lado, R. (1957) yang membuat satu penulisan bertajuk *Linguistic Across Culture* yang menyentuh tentang kesilapan bahasa. Manakala Fries, C.C. (1975) pula menulis sebuah buku bertajuk *Teaching And Learning Of English As A Foreign Language* yang juga berkisar tentang kesilapan bahasa. Menurut mereka, dalam proses pemelajaran bahasa kedua, pelajar banyak dipengaruhi atau diganggu oleh bahasa pertamanya dan segala kesalahan kesilapan dapat dikesan pada bahasa pertama pelajar.

Analisis kontrastif ini lahir dengan tujuan untuk memperlihatkan satu teori atau hipotesis atau pemerian sistem bahasa yang cuba menjelaskan fenomena kesalahan atau kesilapan yang sering wujud dalam bahasa kedua pelajar.

2.2.2 Analisis Kesilapan

Terjemahan yang telah dibuat oleh Jamian (2000) terhadap huraian Corder mengenai Analisis Kesilapan ialah kesilapan tidak boleh dianggap sebagai tanda kawalan tetapi ia menjadi bukti kepada strategi pembelajaran. Maksudnya data-data kesilapan yang diperolehi bukan sahaja dapat melihat jenis-jenis dan punca-punca kesilapan, malah ia boleh dijadikan bahasa untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Manakala Selinker telah memperkenalkan konsep '*Interlanguage*' iaitu satu konsep yang amat penting dalam

hipotesis Analisis Kesilapan.

Analisis Kesilapan adalah satu set prosedur yang digubal untuk memberikan penilaian dan penjelasan tentang perbezaan di antara nahu pelajar bahasa kedua dengan nahu bahasa sasaran yang dipelajari. Teori ini akan dapat menjelaskan kesilapan-kesilapan produktif dan reseptif bahasa tersebut.

2.2.2.1 Interlanguage

Interlanguage telah diperkenalkan oleh Selinker, L. (1972) yang menegaskan bahawa ia adalah satu sistem bahasa kedua yang wujud pada seorang pelajar bahasa kedua. Terdapat lima perkara semasa perkembangan interlanguage:

1. Bahasa pertama menganggu pelajar semasa proses penguasaan bahasa kedua.
2. Sistem latihan yang salah. Segmen bahasa seperti kata istilah, ayat dan hukum tatabahasa dalam bahasa pertama akan diulang semula kesalahannya dalam bahasa kedua.
3. Untuk mengelakkan kesilapan pelajar bahasa kedua akan menghafal sistem dan hukum tatabahasa kedua dan menggunakaninya.
4. Semasa berkomunikasi pelajar akan menggunakan strategi komunikasi bahasa kedua seperti yang digunakan oleh penutur asli bahasa kedua.
5. Pelajar akan membuat generalisasi yang berlebihan terhadap bahasa kedua.

2.3 Hipotesis Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan

2.3.1 Analisis Kontrastif

Hipotesis Analisis Kontrastif berkait rapat dengan konsep behaviourisme dan strukturalisme dalam pembelajaran bahasa. Konsep behaviourisme telah menghasilkan pendapat bahawa pembelajaran bahasa wujud melalui pengumpulan tabiat seseorang. Tabiat bahasa pertama menganggu pembelajaran bahasa kedua. Analisis Kontrastif beranggapan bahawa gangguan atau '*interference*' ini penting dan perlu diambil berat. Oleh itu, pembelajaran bahasa merupakan pembentukan tabiat, maka pelajar sudah ada tabiat bahasa pertama. Tabiat ini menjadi acuan ketika pelajar mempelajari bahasa kedua. Permudahan tabiat ini akan menjadi punca kesilapan bahasa semasa pembelajaran bahasa kedua. Lagi banyak perbezaan, lagi banyaklah masalah dan kesulitan yang akan pelajar hadapi. Oleh itu hipotesisnya ialah jika struktur didapati sama, persamaan ini akan memudahkan pembelajaran dan jika strukturnya berbeza, ini menjadi punca gangguan dalam pembelajaran bahasa asing. Menurut Lado, R. (1957):

"Those elements that are similar to the (learner's) native language will be simple for him, and those areas that are different will be difficult."

Proses menganalisa struktur bahasa yang dipelajari akan memperlihatkan satu perbandingan linguistik antara bahasa pertama dan kedua. Perbezaan yang wujud inilah yang merupakan faktor yang menyulitkan pembelajaran bahasa yang baru. Menurut Fries, C.C. (1975):

"The most effective materials are those that are based upon a scientific description of the language to be learned, carefully compared with a parallel description of the native language of the learners".

2.3.2 Analisis Kesilapan

Hipotesis Analisis Kesilapan lahir daripada hasil penyelidikan Chomsky yang berpendapat bahawa bahasa adalah aktiviti yang dikawal oleh peraturan. Setiap individu itu dilahirkan dengan kebolehan semulajadi '*innate*' dan berupaya menjadikannya kenyataan. Manakala Lenneberg (1967) telah mengenal pasti alat ini sebagai '*Language Acquisition Device*' iaitu alat yang digunakan oleh seseorang dalam proses pemerolehan bahasa.

Analisis Kesilapan ini berpendapat bahawa kesilapan pelajar bahasa kedua tidak dapat diramalkan sebelum kesilapan itu dilakukan. Sekiranya terdapat pengaruh bahasa pertama, ini dapat diterangkan setelah kesilapan itu dilakukan. Kesilapan pelajar bahasa kedua tidak disebabkan oleh gangguan bahasa pertama semata-mata kerana menurut mereka terbukti gangguan bahasa pertama hanya sedikit sahaja. Menurut Ngeh, H.E. (1995) ini telah dibuktikan oleh George, H.B. (1971), Lance (1969) dan Budihiprabha (1972) yang berpendapat pengaruh bahasa ibunda hanya lebih kurang 33%.

Menurut Richards (1974) pula, kesilapan boleh diperjelaskan sebagai berpunca daripada faktor 'interlingual' iaitu gangguan daripada bahasa ibunda dan faktor intralingual iaitu gangguan dari segi seperti generalisasi melampau, kejahilan tentang batas-batas peraturan, penerapan peraturan yang tidak lengkap dan andaian salah konsep.

Hipotesis Analisis Kesilapan juga mengambil pertimbangan faktor-faktor lain yang sama penting juga seperti umur, tahap kecerdikan pelajar, persekitaran bahasa, kesan-kesan keadaan sosiobudaya, keperluan tempatan atau fungsi bahasa kedua dalam masyarakat, motivasi dan minat pelajar dan sebagainya.

2.4 Dapatan Daripada Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan

2.4.1 Analisis Kontrastif

Dapatan daripada Analisis Kontrastif ini dapat membantu pengajaran bahasa kedua dengan cara meramal dan menghuraikan struktur yang akan menimbulkan kesulitan yang akan pelajar hadapi dalam proses pembelajaran bahasa. Analisis Kontrastif mencadangkan bahawa pembetulan perlu dilakukan terhadap kesemua kesilapan bagi mengelakkan pembentukan tabiat buruk. Mereka lebih menggalakkan pembetulan yang berlebihan (over correction) daripada pembetulan yang berkurangan (under correction).

2.4.2 Analisis Kesilapan

Dapatan daripada Analisis Kesilapan mentaksirkan punca utama pelajar membuat kesilapan ketika belajar bahasa kedua ialah disebabkan bahasa kedua itu sendiri. Analisis kesilapan mempunyai pandangan bahawa bahasa pertama dianggap sebagai membantu dan menampilkkan bukti pemelajaran dan bukan tanda-tanda yang menghalang pemelajaran bahasa baru. Menurut Corder, S.P. (1967) bahawa kesilapan bahasa adalah

ujaran yang menyimpang daripada bentuk yang dituturkan oleh penutur jati.

"Refer to those features of the learner's utterances which differ from those of any native speaker."

2.5 Kaedah Pembetulan Kesilapan

2.5.1 Analisis Kontrastif

Para penganalisa Analisis Kontrastif memandang kesilapan sebagai satu perkara yang perlu dielakkan kerana ia akan membantutkan dan menyukarkan pembelajaran. Guru dan pita rakaman adalah model-model yang baik untuk pelajar sebagai satu cara kaedah pembetulan kesilapan. Pembetulan perlu dilakukan terhadap kesemua kesilapan bagi mengelakkan pembentukan tabiat buruk.

2.5.2 Analisis Kesilapan

Para panganalisa Analisis Kesilapan pula memandang kesilapan sebagai satu perkara yang semula jadi, iaitu melakukan kesalahan adalah satu proses pembelajaran yang amat diperlukan. Pelajar perlu digalakkan menggunakan bahasa walaupun terpaksa membuat kesilapan. Pembetulan sendiri atau daripada kawan-kawan juga digalakkan. Para panganalisa ini berpendapat bahawa pelajar perlu membina keupayaan pembetulan automatik (*auto-corrective*).

Pembetulan daripada guru dianggap sebagai langkah terakhir. Iaitu pelajar digalakkan mencari sendiri kesalahan yang dibuat.

2.6 Kajian Berkaitan

Banyak penyelidikan Analisis Kesilapan telah dilakukan terhadap bahasa asing di Malaysia. Antaranya ialah penyelidikan yang telah dilakukan oleh Noor Azizi B. Ismail (1999) terhadap pembelajaran bahasa Arab. Penyelidikan telah dilakukan terhadap pelajar-pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Agama al-Ulum ad-Diniah Dong dalam penggunaan pelaku bahasa Arab di dalam karangan.

Tujuan utama penyelidikan beliau ialah untuk melihat aspek-aspek yang pelajar sering kali melakukan kesilapan di dalam tajuk pelaku. Penyelidikan beliau juga bertujuan melihat sebab-sebab mengapa kesilapan sering dilakukan serta memberikan cadangan-cadangan untuk mengurangkan dan jika boleh menghapuskan terus kesilapan tersebut.

Untuk penyelidikan ini, beliau menggunakan kaedah ujian subjektif iaitu karangan dan ujian objektif, temu duga tidak berstruktur serta soal selidik untuk mendapatkan data.

Keputusan daripada penyelidikan ini, didapati pelajar melakukan sebanyak 70% kesilapan dalam menulis karangan serta 74% dalam menjawab soalan objektif. Sebab-sebab yang telah dikenal pasti antaranya ialah pertama, kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab serta tatabahasa Arab. Kedua, kesilapan guru serta faktor-faktor

lain seperti faktor perbezaan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dan yang ketiga pula ialah kekurangan bahan yang boleh membantu pelajar serta kelemahan pihak pentadbiran.

Selain daripada itu penyelidikan terhadap bahasa Portugis juga telah dilakukan oleh Jamian B. Mohamad (2000). Penyelidikan telah dilakukan terhadap 30 orang pelajar tahun akhir Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Tujuan penyelidikan beliau ialah untuk melihat masalah penggunaan kata kerja dalam bahasa Portugis. Menurut beliau kata kerja dipilih kerana ia merupakan asas kepada pembentukan ayat atau sintaksis dalam bahasa Portugis.

Untuk mendapatkan data, dua ujian telah dilakukan iaitu ujian mengisi tempat kosong dan ujian membuat karangan. Keputusan yang didapati daripada penyelidikan ini ialah kesilapan intralingual mewakili 89.5% berbanding dengan kesilapan interlingual iaitu sebanyak 10.5%. Jamian membuat kesimpulan bahawa adalah benar teori Analisis Kesilapan iaitu bahasa utama bukan merupakan faktor utama pelajar melakukan kesilapan.

Manakala Suraiya Mohd. Ali (1989) juga telah membuatkan satu penyelidikan terhadap pembelajaran BJ. Penyelidikan telah dilakukan terhadap pelajar Melayu di Ambang Asuhan Jepun, Universiti Malaya. Tujuan utama penyelidikan beliau ialah untuk melihat masalah kesalahan partikel dalam BJ.

Keputusan yang diperolehi daripada penyelidikan ini ialah kesilapan intralingual yakni yang disebabkan oleh BJ itu sendiri merupakan kesalahan yang paling tinggi iaitu

sebanyak 72.6% dan dikenal pasti disebabkan oleh BJ itu sendiri. Manakala kesilapan interlingual pula ialah sebanyak 18.3% dan lain-lain kesilapan ialah sebanyak 9.1%.

2.7 Latarbelakang ABBJ

2.7.1 Pengenalan

Terdapat banyak penyelidikan telah dibuat tentang ABBJ. Antaranya oleh Masuoka, K. (1997) yang merumuskan beberapa kesimpulan mengenai kesemua kata penghubung dalam ayat-ayat bersyarat iaitu **To**, **Ba**, **Tara** dan **Nara** dalam penulisannya yang bertajuk '*Fukubun*' – (Ayat Kompleks Kata Penghubung).

Begitu juga Iori, I., Takanashi, S., Takanashi, K. dan Yamada, T. (2000) yang merumuskan keempat-empat kata penghubung ayat-ayat bersyarat dalam penulisan mereka '*Fukubun To Setsuzokushi - Joken*' – (Ayat Kompleks dan Kata Penghubung – Syarat).

Begitu juga dengan Nakamura, T. (1992) yang merumuskan keempat-empat kata penghubung ayat-ayat bersyarat ini untuk kegunaan pengajar-pengajar BJ sebagai panduan mengenai ABBJ.

Penyelidik menjadikan rumusan Nakamura dan Iori, I., Takanashi, S., Takanashi, K. dan Yamada, T. sebagai rujukan untuk memperkenalkan dan membuktikan bahawa setiap kata penghubung mempunyai pelbagai fungsi dalam penyelidikan ini. Rumusan-rumusan ini digunakan sebagai rujukan dalam penyelidikan ini adalah kerana ianya meliputi

keempat-empat kata penghubung ayat-ayat bersyarat yang terdapat dalam silibus pembelajaran asas BJ di PPKTJ.

Manakala Morita, Y. dan Masaki, M. (1989) pula menulis buku bertajuk ‘*Nihongo Hyogen Bunkei*’ – (Bentuk-bentuk Ungkapan Bahasa Jepun). Kedua-dua pengkaji ini membincangkan kegunaan ayat atau perkataan bersyarat pengandaian dan ayat atau perkataan bersyarat kenyataan dalam kata penghubung **Toshitara** dan **Tosureba** dalam ABBJ. Hasunuma, A. (1985) pula membuat perbandingan di antara kata penghubung **Nara** dan **Sureba**.

2.7.2 Pengenalan ABBM

Sebelum penyelidik memperkenalkan ABBJ, penyelidik ingin terlebih dahulu memperkenalkan ABBM secara ringkas. Pengenalan ini bukanlah sebagai satu perbandingan tetapi hanya sebagai rujukan kajian.

Kata penghubung ABBM terdiri daripada **jika**, **kalau**, **jikalau**, **andaikata**, **seandainya** dan **sekiranya**. Seperti yang terdapat dalam ayat-ayat berikut:

- a. **Kalau** tidak mahu datang, harap beritahu kami.
- b. Mereka akan mengadakan pameran, **jika** keadaan kewangan mengizinkan.
- c. Permohonan tidak akan dilayan **jika** tidak dikirim melalui ketua jabatan.
- d. Resit rasmi tidak akan diterima sebagai keterangan **jika** tidak dicetak oleh mesin resit kumpulan wang itu sendiri.

- e. **Kalau** masih ada umur, kami akan datang lagi tahun depan.
- f. **Jika** barang itu terlalu mahal usah kita membelinya.
- g. **Andaikata** hujan tidak turun, pesawah akan terus menderita.

ABBM juga seperti ABBJ yang merangkumi kata kerja, kata sifat dan kata nama. Yang membezakannya ialah dari segi bentuk sahaja iaitu perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu masih kekal pada bentuk yang asal. Strukturnya adalah klausula, adverba syarat atau pengandaian yang mempunyai kata penghubung yang digabungkan dengan ayat.

2.8 Pengenalan ABBJ

Kata-kata penghubung dalam ABBJ terdiri daripada empat kata penghubung iaitu **To**, **Ba**, **Tara** dan **Nara**. Penyelidik menamakan ‘*fungsi*’ bagi setiap pengertian keempat-empat kata penghubung ini mengikut situasi. Keempat-empat fungsi-fungsi kata penghubung ini terlalu kompleks dan kebanyakannya bertindih antara satu sama lain serta sukar untuk membezakannya antara satu sama lain.

Kata-kata penghubung ini tidak boleh berdiri dengan sendirinya. Di mana kata-kata penghubung ini bergabung sama ada dengan kata kerja, kata nama atau kata sifat untuk membentuk ayat-ayat bersyarat. Setiap kata penghubung akan berubah bentuk dengan menggunakan sistem bentuk tertentu apabila bergabung dengan kata kerja, kata nama dan kata sifat.

Pada peringkat ini penyelidik akan menggunakan rumusan Nakamura, T. (1992) untuk memperkenalkan dan membuktikan bahawa setiap kata penghubung mempunyai pelbagai fungsinya dengan menggunakan tiga jadual yang berasingan.

Pada setiap jadual ayat-ayat yang sama akan digabungkan kepada keempat-empat kata penghubung. Tanda-tanda di sebelah kiri ayat tersebut akan menunjukkan sama ada ayat-ayat tersebut membentuk sebuah ayat yang gramatis atau sebaliknya.

Tanda bulat (○) pada setiap ayat menunjukkan kata penghubung pada setiap ayat adalah sesuai. Manakala tanda pangkah (×) pada setiap ayat menunjukkan kata penghubung yang digunakan pada ayat tersebut kurang sesuai dan tidak membentuk sebagai sebuah ayat yang gramatis. Tanda segitiga (△) pada ayat pula menunjukkan kata penghubung pada ayat tersebut masih samar-samar kesahihannya.

Jadual 2.1

Pengenalan ABBJ I Oleh Nakamura, T. (1992)

<input type="radio"/> Benkyosuruto, <input type="radio"/> Benkyosureba, <input type="radio"/> Benkyoshitara, <input type="radio"/> Benkyosurunara,	seseki ga agarimasu.
---	----------------------

→Jika (anda) belajar, keputusan akan meningkat.

Pada ayat-ayat dalam **Jadual 2.1**, kita dapat kesemuanya menunjukkan tanda bulat. Ini menunjukkan bahawa pada setiap kata kerja – *benkyo* - (belajar) dalam setiap ayat pada

Jadual 2.1 sesuai digunakan apabila digabungkan dengan frasa kedua - *seseki ga agarimasu* - (keputusan akan meningkat).

Jadual 2.2

Pengenalan ABBJ II Oleh Nakamura, T. (1992)

<input checked="" type="checkbox"/> Benkyosuruto, <input checked="" type="checkbox"/> Benkyosureba, <input type="radio"/> Benkyoshitara, <input type="radio"/> Benkyosurunara,	keki o tabenasai.
---	-------------------

→Jika (anda) belajar, (anda) boleh makan kek.

Manakala pada **Jadual 2.2** pula adalah sebaliknya. Tanda pangkah pada ayat kata penghubung **To** dan **Ba** menunjukkan ayat ini tidak membentuk sebuah ayat yang gramatis. Tetapi berlainan pula dengan ayat kata penghubung **Tara** dan **Nara**, tanda bulat menunjukkan ayat-ayat ini membentuk sebuah ayat yang gramatis.

Jadual 2.3

Pengenalan ABBJ III Oleh Nakamura, T. (1992)

<input type="radio"/> Kino benkyo ga owaruto, <input checked="" type="checkbox"/> Kino benkyo ga owareba, <input type="triangle"/> Kino benkyo ga owattara, <input checked="" type="checkbox"/> Kino benkyo ga owarunara	keki o tabemashita.
---	---------------------

→Semalam apabila (saya) sudah selesai belajar, (saya) makan kek.

Jadual 2.3 ini berbeza dengan **Jadual 2.1** dan **Jadual 2.2**. Kata kerja frasa pertama dan

kata kerja frasa kedua menunjukkan sudah berlaku atau masa lampau. **Jadual 2.3** menunjukkan tanda pada setiap ayat kata penghubung adalah tidak sekata.

Kesimpulan yang telah dirumuskan oleh Nakamura pada peringkat pengenalan kata penghubung **To**, **Ba**, **Tara** dan **Nara** ini ialah fungsi yang dimainkan oleh setiap kata penghubung ini berbeza antara satu sama lain. Ini bermakna pada ayat yang sama tidak semestinya keempat-empat kata penghubung boleh digunakan. Kajian yang teliti perlu dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan yang wujud antara keempat-empat kata penghubung ini.

Setelah meneliti peringkat pengenalan ini, penyelidik berpendapat bahawa ABBJ tidak boleh sama sekali disamaartikan dengan ABBM. Kata-kata penghubung dalam ABBM boleh ditukar gantikan tempatnya antara satu sama lain tanpa mengubah maksud sebenar ayat, tetapi ABBJ adalah sebaliknya berlaku sekiranya kata-kata penghubungnya ditukar gantikan tempatnya antara satu sama lain maka perubahan maksud akan berlaku ataupun kadang kalanya tidak akan membentuk sebagai sebuah ayat yang gramatis.

2.9 Pengenalan Kepada Setiap Fungsi Kata Penghubung To, Ba, Tara dan Nara Seperti Yang Telah Dirumuskan Oleh Nakamura, T. (1992)

2.9.1 Kata Penghubung To

Nakamura telah membahagikan kata penghubung **To** ini kepada tiga fungsi:

A. Fungsi ini menunjukkan situasi yang sering atau berulang kali berlaku. Fungsi ini merangkumi **Penyataan umum** dari segi faktor geografi dan pengetahuan am, **Penyataan kelaziman/kebiasaan** dan **Penyataan tabiat**. Manakala Iori, Takanashi, S., Takanashi, K. dan Yamada pula berpendapat bahawa di samping situasi seperti yang telah disebutkan tadi, fungsi-fungsi kata penghubung **To** ini juga telah dikenal pasti merangkumi situasi mengendalikan mesin dan situasi memutuskan sesuatu keputusan.

Fungsi ini melibatkan dua peristiwa yang berlaku berturutan. Apabila kata kerja frasa pertama terjadi, sejurus itu kata kerja frasa kedua dengan semula jadinya atau dengan sendirinya pasti akan berlaku.

a.**Penyataan logik**

Ichi ni ni o tasuto, san ni naru.

→Jika satu ditambah/campurkan dua, akan menjadi tiga.

b.**Penyataan kelaziman/kebiasaan**

Massugu ikuto, migi ni ginko ga arimasu.

→Jika pergi terus, di sebelah kanan ada bank.

c.**Penyataan tabiat**

Watashi wa tenkiga iito, sanposhimasu.

→Jika cuaca baik, saya (keluar) bersiar-siar.

Fungsi ini boleh juga berada dalam keadaan sudah berlaku atau masa lampau.

d.**Penyataan kelaziman/kebiasaan sudah berlaku**

Sunen mae wa, mado o akeruto, yama ga mieta.

→Dua tiga tahun lepas, jika tingkap (ini) dibuka kelihatan gunung.

e.Penyataan tabiat sudah berlaku

Wakaikoro wa tenki ga iito, sanposhimashita.

→Dulu ketika muda, jika cuaca baik, (saya keluar) bersiar-siar.

- B. Berlainan dengan fungsi A, fungsi B ini tidak mewakili situasi yang sering atau berulang kali berlaku. Namun masih lagi melibatkan dua peristiwa yang berlaku berturutan. Apabila kata kerja frasa pertama terjadi, dalam waktu yang sama atau sejurus itu kata kerja frasa kedua dengan semula jadinya atau dengan sendirinya pasti akan berlaku.

Fungsi ini digunakan apabila menyatakan **Bilakah berlakunya kata kerja frasa kedua, Ayat penyebab, Penemuan baru dan Peristiwa yang berlaku berentetan.**

Iori dan lain-lain berpendapat bahawa untuk **Penemuan baru**, ciri-ciri ayat-ayat bersyarat sudah pudar pada ayatnya. Manakala pada **Peristiwa yang berlaku berentetan** yang melibatkan dua kata kerja pula, ciri-ciri ayat-ayat bersyarat sudah tiada langsung.

a.Bilakah berlakunya kata kerja frasa kedua.

Shokuji o shiteiruto, Tanakasan ga yobini kita.

→Semasa (saya) sedang makan, Tanaka datang memanggil.

b.Ayat penyebab

Tegami o yomuto, nakidashita.

→Apabila (dia) membaca surat , (dia tiba-tiba) menangis.

c.Penemuan baru.

Mado o akeruto, Fujisan ga mieta.

→Apabila (saya) membuka tingkap, kelihatan gunung Fuji.

Tetapi Iori dan lain-lain berpendapat bahawa pada ayat yang melibatkan dua kata kerja berlaku pada satu masa iaitu pada ayat **Peristiwa yang berlaku berentetan**, ciri-ciri ayat bersyarat sudah pudar pada ayatnya.

d. **Peristiwa yang berlaku berentetan.**

Seki ni tsukuto, tabehajimeta.

→ Setelah mengambil tempat duduk,(dia) mula makan.

C. Fungsi ini tidak boleh digunakan apabila kata kerja frasa kedua berbentuk ayat imperatif yang melibatkan emosi atau perasaan. Fungsi ini tidak akan membentuk sebagai sebuah ayat yang gramatis. Tanda (×) menandakan ayat berikut bukan merupakan sebuah ayat yang gramatis.

a. **Ayat arahan**

× Benkyosuruto, sojishinasai.

→ Jika (ingin) belajar, bersihkanlah (bilik).

b. **Ayat permintaan**

× Eki ni tsukuto, denwa o kakete kudasai.

→ Apabila sampai di stesyen kereta api, sila telefon.

c. **Ayat ajak**

× Arubaitoryo ga hairuto, nomini ikimasen ka.

→ Apabila bayaran gaji kerja lebihan masa masuk, mari (kita) pergi minum.

d. **Ayat larangan**

× Eigakan ni hairuto, hanashitewa ikemasen.

→ Apabila masuk ke panggung wayang, dilarang bercakap.

2.9.2 Kata Penghubung Ba

Nakamura telah membahagikan kepada tujuh bahagian fungsi-fungsi yang terdapat dalam kata penghubung **Ba**:

A. Menyamai fungsi A dalam kata penghubung **To** seperti yang telah pada **2.9.1** fungsi A.

Fungsi kata penghubung **Ba** ini menunjukkan situasi yang sering atau berulang kali berlaku dan merangkumi **Penyataan umum** dari segi faktor geografi, pengetahuan am, **Penyataan logik**, **Penyataan kelaziman/kebiasaan**, **Penyataan tabiat** dan sebagainya.

Fungsi ini memerlukan kata kerja frasa pertama berlaku, maka barulah kata kerja frasa kedua akan berlaku. Ini berbeza dengan fungsi A kata penghubung **To** iaitu apabila kata kerja frasa pertama berlaku, dengan semula jadinya atau dengan sendirinya kata kerja frasa kedua pasti berlaku. Dapat disimpulkan di sini bahawa kata kerja frasa pertama fungsi A dalam kata penghubung **Ba** merupakan had atau lingkungan yang telah ditetapkan untuk kata kerja frasa kedua berlaku.

a. **Penyataan logik**

Ichi ni ni o taseba, san ni naru.

→Jika satu ditambah/campurkan dua, akan jadi tiga.

b. **Penyataan kelaziman/kebiasaan**

Massugu ikeba, migi ni ginko ga arimasu.

→Jika pergi terus, di sebelah kanan ada bank.

c. Penyataan tabiat

Watashi wa tenki ga yokereba, sanposhimasu.

→ Jika cuaca baik saya (keluar) bersiar-siar.

Fungsi ini boleh juga berada dalam keadaan yang sudah berlaku atau masa lampau.

d. Penyataan kelaziman/kebiasaan sudah berlaku

Sunen mae wa, mado o akereba, yama ga mieta.

→ Dua tiga tahun lepas, jika tingkap (ini) dibuka kelihatan gunung.

e. Penyataan tabiat sudah berlaku

Wakaikoro wa tenki ga yokereba, sanposhimashita.

→ Dulu ketika muda, jika cuaca baik, (saya keluar) bersiar-siar.

B. Berlainan dengan fungsi A kata penghubung **Ba**, fungsi ini bukannya situasi yang sering atau berulang kali. Fungsi ini juga seolah-olah menjadikan kata kerja frasa pertama had atau lingkungan yang telah ditetapkan untuk kata kerja frasa kedua berlaku. Fungsi ini digunakan apabila meneka sesuatu yang masih belum berlaku atau masih belum diketahui.

a. (Rainen amerika e isshoni ikimasen ka.)

Okane ga areba, isshoni ikimasu.

→ Jika ada duit, (saya) akan pergi bersama-sama.

Situasi ini mengandaikan sekiranya kata kerja frasa pertama terjadi, maka kata kerja frasa kedua pasti berlaku. Seiringan dengan itu juga, dengan cara tidak langsung, penutur menggambarkan situasi yang sebaliknya, bahawa jika tiada duit, penutur tidak akan pergi bersama-sama ke Amerika.

a. Okane ga nakereba, iss honi ikimasen.
→ Jika tiada duit, (saya) tidak akan pergi bersama-sama.

C. Fungsi ini pula adalah berlawanan dengan fungsi B kata penghubung **Ba**. Jika fungsi B mengandaikan perkara masa hadapan, fungsi ini pula menyatakan situasi yang sedang berlaku sekarang dan telah berlaku pada masa lampau. Fungsi C ini mengandaikan perkara masa hadapan dengan menyatakan jika ada duit, saya akan pergi bersama-sama dan seiringan dengan itu juga, dengan cara tidak langsung, penutur menggambarkan situasi yang sebaliknya iaitu bahawa jika tiada duit, saya tidak akan pergi bersama-sama ke Amerika. Tetapi gambaran yang sebaliknya dapat dilihat apabila menggunakan fungsi C. Yang lebih penting di sini ialah penutur ingin memberitahu keadaan yang sebenarnya berlaku sekarang atau pada waktu itu dengan menterbalikkan maksud ayat yang diujarkan seperti ayat-ayat yang berikut.

a.(Ima) okane ga areba, watashi mo ikimasu.
→(Sekarang) Jika ada duit, (saya) akan pergi bersama-sama.

Dalam contoh a yang diberi, penutur ingin memberitahu bahawa sekarang dia tidak boleh pergi bersama-sama kerana tiada duit.

b.(Ano toki) okane ga areba, watashi mo ikimashita.
→(Pada waktu itu) Jika ada duit, saya pergi bersama-sama.

Begitu juga dengan contoh ayat b, penutur ingin memberitahu bahawa pada waktu itu dia tidak boleh pergi bersama-sama kerana tiada duit.

D. Fungsi D ini hampir sama seperti fungsi B kata penghubung **Ba** iaitu fungsi D ini mengandaikan situasi dalam frasa pertama yang akan terjadi dan jika benar-benar terjadi apakah pendapat penutur dan apakah ayat berbentuk imperatif yang terbit pada frasa kedua. Pada masa yang sama, penutur tidak perlu menjelaskan bahawa jika situasi sebaliknya berlaku, pendengar perlu mengandaikan apakah reaksi penutur terhadap situasi itu.

a. **Ayat arahan**

Kaeritakereba, kaerinasai.

→Jika ingin balik, baliklah./Jika tidak ingin balik, tidak mengapa.

b. **Ayat permintaan**

Yasukereba, futatsu katte kite kudasai.

→Jika murah, belikan (saya) dua biji./Jika mahal, tidak perlu beli.

c. **Ayat kehendak**

Ame ga fureba, yame yo.

→Jika hujan, (kita) berhenti./Jika tidak, (kita) teruskan.

d. **Ayat larangan**

Netsu ga areba, yamenasai.

→Jika demam, berhentilah./Jika tidak demam (sihat), teruskanlah.

Kata penghubung **Ba** ini tidak boleh digunakan sekiranya, kata kerja dalam frasa yang pertama tidak mempunyai maksud yang sebaliknya.

a. × Eki ni tsukeba, denwa o kakete kudasai.

→Jika sampai ke stesyen kereta api, sila telefon.

- b. × Ofuro kara dereba, sugu neru tsumori desu.
→ Jika keluar dari bilik mandi, (saya) akan segera tidur.

Di sini jika kita terbalikkan maksudnya pada contoh ayat a menunjukkan bukannya penutur bermaksud bahawa jika tidak sampai ke stesen kereta api, tidak perlu telefon dan pada contoh ayat b menunjukkan jika saya tidak keluar dari bilik mandi, saya tidak akan segera tidur. Tetapi apa yang ingin dimaksudkan oleh penutur ialah jika sudah sampai ke stesen kereta api, sila telefon (ayat a) dan jika sudah mandi, saya akan segera tidur (ayat b). Maka dengan itu kedua-dua ayat ini tidak membentuk sebuah ayat gramatis apabila digabungkan dengan kata penghubung **Ba** iaitu kata kerja frasa pertama yang tidak mempunyai maksud yang sebaliknya. Faktor lain yang menjadikan ayat ini tidak membentuk sebuah ayat gramatis ialah subjek dalam frasa pertama dan frasa kedua adalah sama dan kata kerja dalam frasa pertama adalah kata kerja perbuatan (*action verb*).

Namun menurut Iori dan lain-lain, pada kata penghubung **Ba** bentuk ayat imperatif tidak boleh digunakan.

- c. Kitakusureba, kanarazu ugai o shinasi.
→ Jika pulang ke rumah, mesti berkumur.

Tetapi sekiranya frasa pertama merupakan situasi yang menggambarkan sesuatu keadaan ataupun subjek pada frasa pertama dan frasa kedua adalah berlainan maka bentuk ayat imperatif boleh digunakan.

d. Wakaranai koto ga **areba**, itsu demo kite kudasai.

→Sekiranya ada apa-apa yang tidak difahami, sila bertanya pada bila-bila masa pun.

e. Chichi ga yurushite kurereba, kare to kekkonsuru tsumori desu.

→Sekiranya mendapat restu daripada ayah, (saya) akan berkahwin dengan dia.

E. Fungsi ini pula tidak boleh digunakan pada kata kerja yang sememangnya atau yang pastinya akan berlaku dalam frasa pertama dan diikuti dengan kata kerja berunsurkan bentuk ayat imperatif.

a. × Sanji ni nareba, kite kudasai.

→Jika pukul tiga, sila datang.

b. × Jugyo ga owareba, kinasai.

→Jika kelas habis, datanglah.

Tetapi jika kata kerja dalam frasa kedua sememangnya atau pasti akan berlaku, kata kerja seumpama ini boleh membentuk sebuah ayat yang gramatis apabila digabungkan dengan kata penghubung **Ba** seperti contoh ayat c dan d di bawah.

c. Sanji ni nareba, kekka ga wakarimasu.

→Jika pukul tiga, keputusan akan diketahui.

d. Haru ni nareba, hikkosu tsumori desu.

→Jika tiba musim bunga, (saya) akan berpindah.

F. Fungsi F ini merupakan fungsi iaitu kata penghubung **Ba** yang mana tidak boleh digunakan apabila digabungkan dengan situasi **Bilakah berlakunya kata kerja frasa**

kedua dan Ayat penyebab sebagaimana fungsi B dalam kata penghubung **To**.

a. **Bilakah berlakunya kata kerja frasa kedua.**

- × Shokuji o shiteireba, Tanakasan ga yobini kita.
→ Semasa (saya) makan, Tanaka datang memanggil.

b. **Ayat penyebab**

- × Tegami o yomeba, nakidashita.
→ (Saya) menangis apabila membaca surat.

Nakamura menegaskan bahawa kata penghubung **Ba** tidak boleh digunakan pada ayat contoh a dan b ini kerana ayat-ayat ini sudah berlaku atau masa lampau dan situasinya berunsurkan apabila kata kerja frasa pertama terjadi, dalam waktu yang sama atau sejurus itu kata kerja frasa kedua dengan semula jadinya atau dengan sendirinya pasti akan berlaku.

G. Fungsi ini pula tidak boleh ditukar ganti dengan lain-lain kata penghubung iaitu **To**, **Tara** dan **Nara**. Fungsi ini kebanyakannya berada pada peribahasa, perumpamaan dan sebagainya.

a. **Soieba**, Tanakasan osoi desune.

→ Jika hendak dikatakan, Tanaka begitu lambat hari ini.

b. **Renshusureba**, suru hodo, jozu ni narimasu.

→ Jika terus berusaha dan berusaha akan jadi pandai.

c. **Sumeba** miyako.

→ Jika ingin menetap (mestilah) kawasan bandar.

Menurut Iori dan lain-lain, kata penghubung **Ba** secara amnya digunakan pada situasi yang menggambarkan keinginan atau hasrat. Adalah sukar untuk digunakan pada ayat-ayat yang tidak berunsurkan keinginan dan hasrat.

Kata penghubung **Ba** ini juga digunakan apabila pada frasa pertama kata nama yang digunakan digabungkan dengan partikel ‘sae’. Dalam situasi ini, kata nama itu dianggap yang paling penting dan diperlukan dan benda-benda selain daripadanya adalah tidak atau kurang penting.

Okane sae areba, asonde kurasemasu.

→ Sekiranya ada duit, (kita) tidak perlu berkerja dan hanya goyang kaki sahaja.

2.9.3 Kata Penghubung Tara

Nakamura telah membahagikan kata penghubung **Tara** ini kepada tiga bahagian:

- A. Fungsi kata penghubung ini menunjukkan bahawa kata kerja frasa pertama dan kata kerja frasa kedua tidak terlalu kuat kaitannya antara satu sama lain, hubungannya hanya secara kebetulan sahaja. Menyamai fungsi A bagi kata penghubung **To** dan **Ba** iaitu kata-kata penghubung ini digunakan untuk **Penyataan umum** dari segi faktor geografi, pengetahuan am, **Penyataan logik**, **Penyataan tabiat** dan sebagainya. Kebiasaan fungsi ini digunakan dalam pertuturan. Berlainan dengan fungsi A dalam kata penghubung **To** iaitu jika kata kerja frasa pertama terjadi, sudah pastinya kata kerja frasa kedua menuruti. Manakala fungsi A dalam kata penghubung **Ba** pula,

kata kerja frasa pertama dan kata kerja frasa kedua mempunyai hubungan yang rapat, iaitu kata kerja frasa pertama sebagai had atau lingkungan untuk kata kerja frasa kedua berlaku.

a. **Penyataan logik**

Ichi ni ni o tashitara, san ni naru.

→ Jika satu ditambah/campurkan dua, akan jadi tiga.

b. **Penyataan kelaziman/kebiasaan** dari segi faktor geografi

Junigatsu ni nattara, yuki ga furimasu.

→ Jika bulan dua belas, salji akan turun.

c. **Penyataan kelaziman/kebiasaan** dari segi pengetahuan am

Massugu ittara, migi ni ginko ga arimasu.

→ Jika pergi terus, di sebelah kanan ada bank.

Disebabkan kata kerja frasa pertama dan kata kerja frasa kedua pada fungsi ini tidak terlalu kuat kaitannya antara satu sama lain iaitu hanya secara kebetulan sahaja hubungannya, maka apabila menggunakan ayat yang menggambarkan situasi sekarang atau masa lampau adalah perlu ditambah dengan perkataan ‘*itsumo*’- (selalu) atau pada frasa yang kedua untuk memperlihatkan sifat ayat ini yang berulang-ulang atau sering berlaku.

a. **Penyataan kelaziman/kebiasaan**

Watashi wa tenki ga yokattara, itsumo sanposhimasu.

→ Jika cuaca baik, (saya) selalu (keluar) bersiar-siar.

b. **Penyataan tabiat sudah berlaku**

Wakaikoro wa tenki ga yokattara, sanposhita mono desu.

→ Dulu ketika muda, jika cuaca baik, (saya keluar) bersiar-siar.

B. Fungsi ini tidak boleh ditukar ganti dengan kata penghubung lain iaitu **To**, **Ba** dan **Nara**. Hanya kata penghubung **Tara** sahaja boleh digunakan. Fungsi ini menunjukkan masa pada kata kerja frasa pertama iaitu kata kerja frasa yang pertama selesai maka kata kerja frasa kedua akan bersambung. Fungsi ini boleh digabung dengan kata kerja yang berbentuk imperatif.

Perlu diingatkan di sini bahawa perkara yang ingin ditekankan oleh penutur dalam ayat ini terletak pada frasa kedua iaitu bila perbuatan itu patut dilaksanakan adalah bergantung kepada perbuatan atau kata kerja di frasa pertama yang telah selesai.

a.Benkyoshitara, soji o shinasai.
→Jika selesai belajar, cucilah (bilik).

b.Eki ni tsuitara, denwa o kakete kudasai.
→Jika sampai ke stesen kereta api, sila telefon.

c.Sotsugyoshitara, nihon no kaisha de hatarakitai desu.
→Jika selesai belajar di universiti, (saya) ingin bekerja di syarikat Jepun.

C. Fungsi ini menyamai fungsi A kata penghubung **To** iaitu kata penghubung ini digunakan apabila menunjukkan **Bilakah berlakunya kata kerja frasa kedua**, **Ayat penyebab**, **Penemuan baru** dan **Peristiwa yang berlaku berentetan**. Tetapi disebabkan fungsi ini berlaku secara kebetulan sahaja, fungsi ini lebih menggambarkan situasi yang berlaku adalah situasi yang tidak diduga kejadiannya.

a. **Bilakah berlakunya kata kerja frasa kedua**

Shokuji o shiteitara, Tanakasan ga yobini kita.

→ Semasa (saya) makan, Tanaka datang memanggil.

b. **Ayat penyebab**

Tegami o yondara, nakidashita.

→ (Dia) menangis sesudah membaca surat.

c. **Penemuan baru**

Mado o aketara, Fujisan ga mieta.

→ Apabila (saya) membuka tingkap, kelihatan gunung Fuji.

2.9.4 Kata Penghubung Nara

Nakamura telah membahagikan kepada lima bahagian fungsi-fungsi yang terdapat dalam kata penghubung **Nara**:

A. Fungsi kata penghubung ini adalah berlainan sekali dengan fungsi A kata penghubung lain. Iaitu ianya tidak boleh digunakan untuk **Penyataan kelaziman/kebiasaan** dari segi faktor geografi, pengetahuan am, **Penyataan logik**, **Penyataan tabiat** dan sebagainya.

a. **Penyataan logik**

× Ichi ni ni o tasunara, san ni naru.

→ Jika satu ditambah/campurkan dua, akan menjadi tiga.

b. **Penyataan kelaziman/kebiasaan**

× Massugu ikunara, migi ni ginko ga arimasu.

→ Jika pergi terus, di sebelah kanan ada bank.

c. **Penyataan tabiat**

- × Watashi wa tenkiga iinara, sanposhimasu.
→ Jika cuaca baik, saya (keluar) bersiar-siar.

d. **Penyataan kelaziman/kebiasaan sudah berlaku**

- × Sunen mae wa, mado o akerunara, yama ga mieta.
→ Dua tiga tahun lepas, jika tingkap (ini) dibuka kelihatan gunung.

e. **Penyataan tabiat sudah berlaku**

- × Wakaikoro wa tenki ga iinara, sanposhimashita.
→ Dulu ketika muda, jika cuaca baik, (saya keluar) bersiar-siar.

B. Fungsi ini pula tidak boleh ditukar ganti dengan kata penghubung lain. Frasa pertama adalah perkara yang didengari oleh penutur, lalu dia membayangkan perkara tersebut dan memberikan pendapatnya tentang apakah yang perlu dilakukan dalam frasa kedua.

Fungsi B ini adalah bertentangan dengan fungsi B kata penghubung **Tara**, dari segi masa atau bilakah waktu yang perlu diambil tindakan untuk mengerakkan kata kerja frasa kedua. Bagi fungsi B kata penghubung **Tara**, setelah kata kerja frasa pertama selesai barulah kata kerja frasa kedua dilakukan tetapi fungsi B kata penghubung **Nara** adalah sebaliknya iaitu untuk menghadapi kata kerja frasa pertama, tindakan yang perlu diambil ialah memulakan kata kerja frasa kedua.

- a. Ashita shiken ga arunara, ima benkyoshinasai.
→ Jika ada peperiksaan esok, belajarlah sekarang.

- b. Kamera o kaunara, shinjuku ga ii desu yo.
→ Jika ingin membeli kamera, Shinjuku paling sesuai.

- c. Dose shinunara, ima no uchini sukina koto o shite oko.
→ Sememangnya (kita) akan mati, (oleh itu) lebih elok lakukan perkara yang disukai.
- d. Kare ga ikunara, issroni ikimasho.
→ Jika dia pergi, mari (kita) pergi bersama-sama.

C. Fungsi ini pula ialah pendengar mengulangi kembali apa yang diujarkan oleh penutur pertama dan membayangkannya serta memberi pendapat dan apakah yang perlu dilakukan dalam frasa kedua.

- a. A: Ashita wa ame ga furiso desuga, doshimasu ka.
→ Esok kelihatan hujan akan turun, jadi bagaimana?
B: Ame ga furunara, yamemasho.
→ Jika hujan turun, (kita) berhentikan sahaja.

Fungsi ini boleh ditukar ganti dengan kata penghubung **Ba** dan **Tara** tetapi apabila menggunakan kedua-dua kata penghubung ini, fungsi ini bererti mengandaikan sesuatu situasi yang masih belum diketahui lagi.

- b. A: Ashita wa doshimasu ka.
→ Esok bagaimana?
B: Ame ga fureba, yamemasho.
→ Jika hujan turun, (kita) berhentikan sahaja.

D. Fungsi ini pula ialah apabila kata kerja frasa pertama berada dalam bentuk masa lampau sebelum kata penghubung **Nara** dan diikuti pandangan penutur dalam frasa kedua. Ini bermakna sesudah berlakunya kata kerja frasa pertama, barulah penutur mengetahuinya.

- a. Kare ga ittanara, watashi mo ikimasu.
→Jika dia (sudah) pergi, saya juga akan pergi.

E. Fungsi ini pula ialah menjadikan sesuatu kata nama sebagai tajuk perbualan yang mempunyai skopnya tersendiri.

- a. Sono hanashinara, shitte imasu.
→Jika cerita itu, (saya) mengetahuinya.

- b. Sashiminara, tabemashita.
→Jika sashimi, (saya) sudah makan.

Fungsi kata penghubung **Nara** ini boleh ditukargantikan dengan kata penghubung **Ba** dan **Tara**. Contohnya ‘meshinaraba’ dan ‘meshidattara’ yang masing-masing bermaksud - jika + kata nama.

Menurut Iori dan lain-lain, kata penghubung **Nara** adalah berbeza daripada ketiga-tiga kata penghubung lain. Di mana pada frasa pertama boleh digunakan bentuk lampau (bentuk ‘Ta’) atau bentuk masa hadapan (bentuk ‘Jisho’ - (kamus)).

- c. **Bentuk Lampau**
Ryoko ni itta no nara, shashin o misete kudasai.
→Jika telah pergi melancong, sila tunjukkan gambar.

- d. **Bentuk Masa Hadapan**
Ryoko ni iku no nara, kamera o motte iku to ii desu yo.
→Jika ingin pergi melancong, lebih baik bawa kamera.

Pada contoh ayat c, hubungan antara frasa pertama dan kedua ialah frasa pertama → frasa kedua, manakala pada contoh ayat d pula hubungannya ialah frasa kedua → frasa pertama. Di sini jika dibandingkan dengan hubungan antara frasa pertama dan kedua kata penghubung **To**, **Ba** dan **Tara** yang hanya mempunyai hubungan frasa pertama → frasa kedua.

e. Ryoko ni ikuto, shokuyoku ga deru.
→Jika pergi melancong, selera makan akan terbit.

f. Ryoko ni ikeba, iyana koto mo sukkari wasureru.
→Jika pergi melancong, semua perkara yang tidak disukai akan dilupakan.

2.10 Kesimpulan Pengenalan ABBJ Yang Telah Dirumuskan Oleh Nakamura, T. (1992)

Setelah meneliti setiap fungsi yang wujud pada setiap kata penghubung, gambaran yang lebih jelas diperlihatkan oleh Nakamura dengan cara meringkaskan situasi dan kegunaan fungsi kesemua kata penghubung dalam satu jadual – **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4

Ringkasan Penyelarasan Setiap Kata Penghubung oleh Nakamura, T. (1992)

Kata Penghubung		To	Ba	Tara	Nara
1. Hanpukuteki Joken	A. Penyataan logik, kelaziman/kebiasaan dan tabiat	○	○	△	×
2. Ikkaiteki Joken	B. Kate Joken	(i) Kakute Mirai Joken	△	△	○
		(ii) Mirai Kate	△	△	△
		(iii) Hanjitsu Kaso	×	○	○
	C. Kite Joken	(i) Kite Genzai	○	○	○
		(ii) Kite Kako	○	✗	△
					×

Untuk membentuk satu jadual ini, di mana ianya menyelaraskan setiap kata penghubung, Nakamura telah menjelaskan terlebih dahulu situasi dan fungsi yang akan dikemaskini ke dalam jadual. Sebenarnya situasi dan fungsi ini telah pun diperkenalkan pada pengenalan setiap kata penghubung.

Kemudian bagi menyelaraskan setiap kata penghubung itu, Nakamura telah menggunakan ayat contoh yang sama bagi mengkaji ketidaksesuaian sesuatu kata penghubung dalam ayat tersebut dan menyatakan sebab-sebab ketidaksesuaian setiap kata penghubung itu. Sekiranya kata penghubung itu digariskan (____), ini menunjukkan kata itu tidak membentuk sebuah ayat yang gramatis. Manakala kata penghubung yang tidak bergaris merupakan sebuah ayat yang tepat.

Nakamura membahagikan secara kasar kesemua fungsi-fungsi kata penghubung kepada dua situasi iaitu :

1. '*Hanpukuteki Joken*' seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud situasi yang sering atau berulang kali berlaku. Fungsi dalam situasi ini melibatkan dua peristiwa yang berlaku berturutan. Apabila kata kerja frasa pertama terjadi, sejurus itu kata kerja frasa kedua akan berlaku. Fungsi ini merangkumi :

A. Penyataan kelaziman/kebiasaan dari segi faktor geografi, pengetahuan am, **Penyataan logik** dan **Penyataan tabiat**.

Contoh :

Junigatsu ni naru (**to, ba, tara, nara**) yuki ga furu.
→Apabila bulan dua belas, salji akan turun.

Ayat ini merupakan **Penyataan kelaziman/kebiasaan** dari segi faktor geografi yang sering atau berulang kali berlaku. Kata penghubung **Nara** tidak boleh digunakan dalam situasi ini kerana kata penghubung **Nara** adalah situasi '*Ikkateki*' iaitu situasi yang berlaku hanya sekali sahaja.

Contoh:

Tenki ga ii (**to, ba, tara, nara**) sanposhimashita.
→Apabila cuaca baik, (saya keluar) bersiar-siar.

Begitu juga dengan ayat ini, iaitu ayat yang mempunyai situasi yang sama iaitu

situasi yang sering atau berulang kali berlaku tetapi merupakan ayat yang sudah berlaku atau kata lampau. Nakamura juga menegaskan bahawa kata penghubung **Tara** tidak boleh digunakan di sini kerana di belakang kata kerja frasa kedua tidak digabungkan dengan ‘*itsumo*’ – (selalu) ataupun ‘*monodesu*’ – (yang menunjukkan sesuatu kata kerja itu sering dilakukan pada masa lampau).

2. ‘*Ikkaiteki Joken*’ seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud situasi yang hanya berlaku satu kali sahaja. Situasi ini terjadi apabila kata kerja frasa pertama melibatkan kata kerja frasa kedua berlaku hanya untuk satu kali sahaja atau dengan lain perkataan tidak berlaku berulang kali. Situasi ini pula terbahagi kepada dua bahagian yang besar iaitu :

B. ‘*Kate Joken*’ seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud mengandaikan atau menelah sesuatu pada awal pengajaran atau perbualan dalam sesuatu keadaan. Pada frasa pertama penutur hanya membuat telahan atau meneka sesuatu itu dan menyatakan sesuatu tentang kenyataan frasa pertama tadi seperti memberikan pandangan atau tindakan atau memberi arahan yang sewajarnya pada frasa kedua. Ayat pengandaian ini pula terbahagi kepada tiga iaitu :

(i)‘*Kakute Mirai Joken*’ yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud mengandaikan atau menelah sesuatu yang pastinya akan berlaku.

Contoh:

Sanji ni naru (**to**, **ba**, **tara**, **nara**), kite kudasai.

→ Apabila pukul tiga, sila datang.

Ayat ini merupakan sebuah **Ayat Arahan** iaitu ayat berbentuk imperatif yang melibatkan emosi atau perasaan, di mana telah diterangkan pada fungsi kata penghubung **To** pada 2.9.1 fungsi C. Seperti yang telah diterangkan ayat ini bukan merupakan sebuah ayat gramatis jika kata penghubung **To** digabungkan dengannya.

Walau bagaimanapun ayat ini merupakan ayat yang memerlukan kata kerja frasa pertama selesai terlebih dahulu untuk kata kerja frasa kedua berlaku, sedangkan kata penghubung **Ba** digunakan apabila sesuatu keadaan itu mempunyai maksud sebaliknya. Dengan kata lain, bagi kes ini adalah tidak sesuai untuk kita katakan bahawa ‘*sanji ni naru*’ – (pukul tiga) mempunyai kebalikannya kerana pukul tiga pasti akan berlaku.

Begitu juga dengan kata penghubung **Nara**, di mana ayat ini tidak membentuk sebuah ayat gramatis kerana situasi ini tidak ada dalam fungsi kata penghubung **Nara**. Ini bermakna ayat di atas bukanlah ayat yang frasa pertamanya adalah perkara yang didengari oleh penutur, lalu dia membayangkan perkara tersebut dan memberi pendapatnya, apakah yang perlu dilakukan dalam frasa kedua.

Contoh:

Sanji ni naru (**to**, **ba**, **tara**, **nara**), kekka ga wakarimasu.

→ Apabila pukul tiga, keputusan akan diketahui.

Sebaliknya bagi kata penghubung **To** dan **Ba**, sekiranya ayat ini digandingkan dengan frasa yang mempunyai kata kerja yang sememangnya atau pasti akan berlaku seperti ‘*kekka ga wakarimasu*’- (keputusan akan diketahui) apabila tibanya pukul tiga nanti, maka ayat ini juga bukanlah merupakan sebuah ayat berbentuk imperatif.

(ii) ‘*Mirai Kate*’ yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud mengandaikan atau menelah sesuatu yang masih belum berlaku atau masih belum diketahui kejadiannya.

Contoh:

Ashita tenki ga ii (**to, ba, tara, nara**), ikimasu.
→ Apabila cuaca baik, (saya) akan pergi.

Ayat ini bukanlah sebuah ayat yang gramatis apabila digabungkan dengan kata penghubung **To** kerana kata kerja ‘*ikimasu*’- (akan pergi) dalam frasa kedua berunsurkan emosi atau perasaan, dan seperti sedia maklum kata penghubung **To** tidak boleh digabungkan dengan ayat berbentuk imperatif.

Contoh:

Kyo dasu (**to, ba, tara, nara**), ashita todokimasu.
→ Jikalau hantar hari ini, akan sampai esok.

Sebaliknya berlaku di dalam ayat ini. Ayat ini digabungkan dengan frasa yang mempunyai kata kerja yang sememangnya atau pasti akan berlaku iaitu ‘*ashita todokimasu*’ – (akan sampai esok) yang mana kesemua kata penghubung boleh

digunakan dan dengan itu sebuah ayat yang gramatis terbentuk.

Contoh :

Sono hon o yomu (**to**, **ba**, **tara**, **nara**), kashite kudasai.
→Apabila selesai membaca buku (itu), sila pinjamkan saya.

Berlainan pula dengan ayat ini kerana hanya kata penghubung **Tara** sahaja boleh digunakan. Ayat ini tidak boleh ditukar gantikan dengan kata penghubung **To**, **Ba** dan **Nara**. Subjek dalam ayat ini adalah orang yang sama. Selepas dia membaca buku, dia diminta meminjamkan pula buku itu kepada penutur. Ini bermakna untuk kata kerja frasa kedua berlaku, kata kerja frasa pertama hendaklah selesai terlebih dahulu.

Contoh:

Ashita shiken ga aru (**to**, **ba**, **tara**, **nara**), ima benkyo shinasai.
→Jika esok ada ujian, belajarlah sekarang.

Ayat ini pula menunjukkan hanya kata penghubung **Nara** sahaja yang sesuai digunakan. Ayat ini juga tidak boleh ditukar ganti dengan kata penghubung **To**, **Ba** dan **Tara**. Kata kerja frasa pertama adalah apa yang telah didengari oleh penutur sebelum ini, manakala kata kerja frasa kedua pula ialah apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya frasa pertama berlaku.

(iii)'*Hanjitsu Kaso*' seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud mengandaikan atau menelah mengenai sesuatu kejadian yang sedang berlaku dan

telah berlaku dengan cara menterbalikkan maksud ayat yang diujarkan.

Contoh :

Okane ga aru (**to**, **ba**, **tara**, **nara**), ryoko ni ikimasu.
→ Sekiranya (dia) ada duit, (dia) akan pergi melancong.
*(Situasi sebenarnya dia tiada duit.)

Okane ga aru (**to**, **ba**, **tara**, **nara**), ryoko ni ikimashita.
→ Sekiranya (dia) ada duit, (dia) telah pergi melancong.
*(Situasi sebenarnya dia tiada duit.)

Pada kedua-dua ayat ini, hanya kata penghubung **To** sahaja yang tidak boleh digunakan kerana ayat-ayat ini digunakan apabila menyatakan keadaan yang sebenarnya berlaku sekarang dan telah berlaku pada masa lampau. Fungsi ini mengandaikan perkara yang akan berlaku pada masa hadapan dengan menyatakan jika ada duit, dia akan pergi melancong dan dia telah pergi melancong seiringan dengan itu juga, secara tidak langsung, penutur menggambarkan situasi yang sebaliknya, iaitu bahawa jika tiada duit, dia tidak akan pergi melancong. Tetapi yang lebih penting di sini, penutur ingin memberitahu keadaan yang sebenarnya bahawa sekarang atau pada masa lampau dengan menterbalikkan maksud ayat yang diujarkan bahawa pada masa ini atau pada masa dahulu dia sebenarnya tiada duit dan tidak boleh pergi melancong atau telah tidak pergi melancong.

C. ‘*Kite Joken*’ seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud mengandaikan atau menelah sesuatu kejadian pada awal pertuturan atau perbualan seseorang itu dalam sesuatu keadaan di mana frasa kedua terjadi disebabkan apa yang sedang berlaku atau

sudah berlaku pada frasa pertama. Fungsi ini pula terbahagi kepada dua iaitu:

(i) 'Kite Genzai' seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**. Ia bermaksud mengandaikan atau menelah sesuatu kejadian mengenai apa yang sedang berlaku.

Contoh:

Konnani takai (**to, ba, tara, nara**), kaemasen.
→ Sekiranya mahal sebegini, tidak boleh beli.

Ayat ini menunjukkan kesemua kata penghubung sesuai digunakan. Tetapi sebenarnya kata-kata penghubung ini mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang boleh diperbezakan.

Kata penghubung **To** merangkumi **Penyataan kelaziman/kebiasaan** yang melibatkan dua peristiwa yang berlaku berturutan. Apabila kata kerja frasa pertama terjadi, sejurus itu kata kerja frasa kedua dengan semula jadinya atau dengan sendirinya pasti akan berlaku. Dalam ayat ini benda yang akan dibeli itu terlalu mahal pada pandangan penutur dan pastinya tidak mampu dibeli.

Kata penghubung **Ba** juga merangkumi **Penyataan kelaziman/kebiasaan** yang memerlukan kata kerja frasa pertama berlaku, maka barulah kata kerja frasa kedua akan berlaku. Pada fungsi ini, frasa pertama merupakan had atau lingkungan yang telah ditetapkan untuk kata kerja frasa kedua berlaku. Dalam ayat ini, benda itu tidak jadi dibeli kerana terlalu mahal dan bukannya atas sebab-sebab lain seperti

terlalu besar, terlalu kecil dan sebagainya.

Kata penghubung **Tara** menyamai fungsi kata penghubung **To** dan **Ba** seperti yang telah dijelaskan tetapi fungsi kata penghubung ini tidak terlalu kuat kaitannya antara satu sama lain iaitu hanya secara kebetulan sahaja hubungan antara kata kerja frasa pertama dan kedua. Ini bermakna kebetulan barang itu terlalu mahal dan penutur tidak mampu membelinya.

Fungsi kata penghubung **Nara** ini pula ialah pendengar mengulangi kembali apa yang diujarkan oleh penutur pertama dan membayangkannya serta memberi pendapat tentang perkara yang perlu dilakukannya dalam frasa kedua. Dalam ayat ini apabila mendengarkan bahawa barang itu terlalu mahal, penutur menyatakan apakah tindakan yang berbentuk nasihat, pendapat, arahan dan sebagainya perlu diambil iaitu dengan cara tidak perlu membelinya.

(ii)'*Kite Kako*' seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 2.4**. Ia bermaksud mengandaikan atau menelah sesuatu kejadian yang sudah berlaku atau kata lampau yang menunjukkan **Bilakah berlakunya kata kerja frasa kedua, Ayat penyebab dan Penemuan baru.**

Contoh :

Shokujī o shiteiru (**to, ba, tara, nara**) Tanakasan ga yobini kita.
→ Semasa sedang makan, Tanaka datang memanggil.

Ayat ini menunjukkan **Bilakah berlakunya kata kerja frasa kedua**. Iaitu bilakah Tanaka datang memanggil? Jawapannya ialah pada waktu saya sedang makan.

Contoh:

Tegami o yomu (**to, ba, tara, nara**) naki dashita.
→ Apabila (dia) membaca surat, (dia) tiba-tiba menangis.

Ayat ini pula ialah **Ayat penyebab** iaitu disebabkan dia membaca surat, tiba-tiba dia terharu dengan kandungan surat tersebut dan terus menangis.

Contoh:

Mado o akeru (**to, ba, tara, nara**), Fujisan ga mieta.
→ Apabila (saya) membuka tingkap, kelihatan gunung Fuji.

Ayat ini pula ialah **Ayat penemuan baru**. Iaitu apabila tingkap dibuka, saya dapat melihat gunung Fuji. Di sini Nakamura menegaskan pada ayat ini kata penghubung **Ba** dan **Nara** tidak boleh digunakan. Ini adalah kerana pada fungsi kata penghubung **Ba** dan **Nara** tidak terdapat situasi **Penemuan baru**. Tetapi seperti yang telah dibincangkan pada **2.9.2 fungsi A** untuk contoh ayat d, kata penghubung **Ba** boleh digunakan pada ayat sebegini.

Iori dan lain-lain juga telah membuat beberapa kesimpulan setelah mengkaji keempat-empat kata penghubung ini. Mereka berpendapat bahawa kata penghubung **Tara** merupakan kata penghubung paling luas penggunaannya jika dibandingkan dengan kata penghubung lain dalam ABBJ. Mereka telah memberikan beberapa panduan untuk membezakan kata penghubung **Tara** dalam penggunaan ayat-ayat bersyarat. Antaranya

ialah kata penghubung **Tara** tidak boleh digunakan sekiranya frasa pertama merupakan ayat pengandaian dan diikuti dengan frasa kedua ayat yang berbentuk arahan, keinginan, memberi pendapat atau penilaian dan sebagainya.

Contoh:

- (a) × Shiyakusho e **ittara**, chikatetsu ga benri desu.
→ Sekiranya ingin ke Dewan Bandaraya, kereta api bawah tanah (subway) paling menyenangkan.
- (b) × Daigakuin ni **susundara**, kono hon o yominasai.
→ Sekiranya dapat melanjutkan (pelajaran ke peringkat) sarjana, bacalah buku ini.

Menurut pendapat Iori dan lain-lain lagi, ayat sebegini hanya sesuai digunakan apabila digabungkan dengan kata penghubung **Nara**. Di samping itu juga, mereka telah menggariskan beberapa panduan sebagai rujukan dalam penggunaan setiap kata penghubung. Antaranya ialah:

- Kata Penghubung **Ba**

a. Frasa pertama merupakan fokus dalam sesuatu ayat bersyarat.

- (1) Dare ni kikeba, Tanakasan no jusho ga wakaru desho ka.
→ Pada siapakah perlu dirujuk, sekiranya ingin mengetahui alamat Tanaka.

b. Untuk menyempurnakan frasa kedua, sekurang-kurangnya memerlukan kata nama (N).

- (2) Okane sae areba, darede mo nyukai dekiru.
→ Sekiranya ada duit, sesiapa pun boleh menyertainya.

c.Ayat bersyarat yang mengandungi maksud sebaliknya.

(3)Ato juppun hayakereba, basu ni mani atta noni.

→Sekiranya cepat sepuluh minit, sudah pastinya sempat (menaiki) bas.

- Kata Penghubung **To** dan **Ba**

Kata Penghubung **To** dan **Ba** boleh digunakan pada ayat bersyarat yang mengandungi situasi **Kelaziman/kebiasaan**.

(4)Eki kara chikakereba, benri desu.

→Sekiranya stesen kereta api dekat, (sudah pasti) menyenangkan.

(5)Haru ni naruto, kankokyaku ga fuemasu.

→Apabila musim bunga, para pelancong akan bertambah.

Tetapi pada ayat (3), (4) dan (5) tidak membentuk sebuah ayat yang gramatis sekiranya digabungkan dengan kata Penghubung **Nara**.

2.11 Kesimpulan

Pada Bab 2 ini, penyelidik telah memperkenalkan dua teori analisis yang penting dalam pengajian linguistik iaitu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan. Tujuan penyelidik meninjau juga Analisis Kontrastif dalam penyelidikan ini walaupun teori Analisis Kesilapan akan digunakan adalah kerana Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan mempunyai kaitan walaupun setiap teori analisis mempunyai konsep kaedahnya yang tersendiri. Kaitan antara keduanya ialah timbulnya Analisis Kesilapan adalah disebabkan

kelemahan yang terdapat dalam teori Analisis Kontrastif.

Bab 2 ini juga telah memperkenalkan ABBJ secara terperinci yang menggunakan rumusan Nakamura, T. (1992) sebagai rujukan yang paling relevan terhadap penyelidikan ini dan rumusan Iori, I., Takanashi, S., Takanashi, K. dan Yamada, T. (2000) sebagai tambahan terhadap rumusan Nakamura.